



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 30 DISEMBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	BANJIR: PENTERNAK RUGI RM3.6 JUTA, BANJIR MELANDA, SH -8 PENTERNAK DI PAHANG, NS RUGI RM1.5 JUTA, NEGARA, KOSMO -6 INDUSTRI KELAPA PUNYAI POTENSI CERAH, PERIKATAN NASIONAL, HARAKAH -15 MAFI CADANG BINA MUZIUM PERTANIAN DI KELANTAN, KELANTAN, HARAKAH -H12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	HENTI BERI SISA MAKANAN, LOKAL, HM -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7.	MARDILAB TAWAR ANALISIS PRODUK LEBIH MURAH, PANTAS, GAYA INOVASI, UM -24 MARDI RANGKUL DUJA ANUGERAH, GAYA INOVASI, UM -25	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
8. 9. 10. 11. 12. 13.	SILVER CATFISH FARM OWNER SUFFERS RM300,000 LOSS, NEWS IN BRIEF, NST -14 DAKWA RUGI RM300,000 IKAN DALAM SANGKAR MATI, NASIONAL, BH -20 RUGI RM10,000 BURUNG, AYAM TAK SEMPAT DISELAMAT, LOKAL, HM -10 1,600 POKOK PISANG LAYU, PEKEBUN RUGI RM25,000, NEGARA, KOSMO -17 HARGA AYAM SEEKOR RM4 JADI REBUTAN, NEGARA, KOSMO -16 PERLU DASAR KONKRIT MAKANAN, RENCANA, UM -14 & 15	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

30/12/2021

SINAR  
HARIANBANJIR  
MELANDA

8

# Banjir: Penternak rugi RM3.6 juta

Berdasarkan maklumat awal MAFI, ia bابتikkan 263 penternak di Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

S eramai 160 penternak di Selangor mengalami kerugian dan dianggarkan mencecah sehingga RM2.1 juta akibat bencana banjir berdasarkan maklumat awal diterima Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, ia meliputi kematian ternakan seperti lembu, kambing, ayam, rusa, itik, lembu sado dan arnab serta kerosakan stok makanan ternakan, kerosakan kandang dan peralatan la-dang.

“Bagi negeri Pahang dan Negeri Sembilan pula, masing-masing direkodkan seramai 55 dan 48 penternak yang terjejas dengan nilai kerugian keseluruhan sebanyak RM1.5 juta,” katanya dalam



Ronald (empat, kanan) menyampaikan bantuan MAFI Prihatin kepada beberapa penternak yang terjejas akibat banjir.

kenyataan pada Selasa.

Pada Selasa, beliau melawat ladang penternakan di Rancangan Tanah Belia (RTB) Bukit Canggang, Kuala Langat bagi meninjau ladang-ladang ternakan yang terjejas akibat bencana banjir.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor dan Presiden Kelab Generasi

Transformasi Ruminan Malaysia (GTR), Hussain Jaafar.

Pada Isnin, Ronald turut menyampaikan bantuan MAFI Prihatin kepada beberapa penternak yang terjejas akibat banjir semasa lawatan beliau ke Kampung Asahan, Kuala Selangor.

Menurutnya, pihak DVS juga telah mengaktifkan Bilik Bencana Banjir dan menggerakkan pegawai serta kakitangannya bagi menyelaras dan membantu memindahkan ternakan dari kawasan terjejas ke kawasan lebih selamat.

“Ini termasuk pusat pemindahan segera sejurus berlakunya banjir malah makanan ternakan, rumput kering (hay) dan garam jilat turut diagihkan sebagai bantuan kecemasan,” katanya.

Ronald berkata, DVS akan terus membantu penternak menjaga kebajikan, keselamatan dan kesihatan haiwan-haiwan ternakan yang diselamatkan.

“MAFI sedang segerakan penilaian bagi mengenal pasti kerosakan dan jumlah kerugian golongan sasar bagi menyediakan bantuan sewajarnya,” katanya.

## Penternak di Pahang, NS rugi RM1.5 juta

**PUTRAJAYA** - Seramai 103 penternak di Pahang dan Negeri Sembilan mengalami kerugian mencecah RM1.5 juta akibat banjir yang melanda kawasan ternakan minggu lalu.

Perkara itu didedahkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee ketika meninjau estet ternakan di Daerah Kuala Langat, Selangor kelmarin.

"Berdasarkan maklumat awal, jumlah yang terjejas melibatkan 53 penternak di Pahang dan baki 48 lagi di Negeri Sembilan," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Tinjauan beberapa ladang ternakan di Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang itu merupakan siri kedua di Selangor selepas beliau melakukan perkara sama di Kuala Selangor.

Pengusaha dan penternak di kawasan itu diberikan bantuan yang merangkumi barang makanan ternakan dan kit kesihatan diedarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Mereka turut terima rumput kering dan garam jilat yang

diagih sebagai bantuan kecemasan sementara daripada JPV bagi meringankan beban penternak terbabit," jelas Ronald.

Sambil melahirkan perasaan simpati, beliau turut sedih melihat keadaan lembu yang lapar ekoran stok makanan musnah selain kebanyakan kandang dan peralatan ladang juga rosak.

Uniknya, ujar beliau, badan bukan kerajaan seperti Gerakan Transformasi Ruminan dipimpin Presidennya, Hussain Jaafar turut menggerakkan ahli-ahlinya membantu penternak terjejas.

Seterusnya, beliau menyampaikan sumbangan prihatin pihak kementerian kepada tujuh petugas Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) di Kuala Langat.

"Kumpulan ini antara sebahagian 100 staf MARDI yang terkesan, bahkan secara keseluruhan direkodkan ada 670 warga kementerian yang terlibat di seluruh negara," tambahnya.



**RONALD** (tengah) ketika menyantuni penternak yang terjejas banjir di Kuala Langat, Selangor kelmarin. - IHSAN JPV

# Industri kelapa punyai potensi cerah

**IPOH:** Industri kelapa di negara ini mempunyai potensi cerah berdasar peningkatan permintaan terhadap produk hiliran kelapa.

Malah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan dana bagi pembangunan industri kelapa yang kini dilihat berpotensi sebagai sumber kekayaan baru negara.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak Razman Zakaria bagaimanapun berkata, ia agak terbantut disebabkan tiada badan atau lembaga khusus seperti Lembaga Kenaf, Lembaga Nanas dan Lembaga koko.

Katanya, Persatuan Usa-



**Razman Zakaria**

hawan Kelapa Malaysia (PUKM) wajar membawa cadangan kepada MAFI untuk menubuh institusi yang menjaga kepentingan industri kelapa.

“Persatuan boleh memberi idea kepada kementerian untuk menubuh lembaga

yang menjaga industri tanaman kelapa supaya setanding dengan Lembaga Kenaf dan Lembaga Nanas.

“Perlu ada lembaga khusus untuk membantu usaha-usaha yang agak terbantut sekarang,” katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Pertama PUKM di sini baru-baru ini.

Turut hadir Penaung PUKM Ramlee Hussin, Pengerusi PUKM Mohd Azizi Irwan Sukimin dan Naib Pengerusi PUKM Dato’ Syed Abd Rahman.

Menurut Razman juga inisiatif pengusaha-pengusaha kelapa menubuh persatuan bagi menangani isu-isu kelapa tepat pada masanya.



Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh melawat koleksi keris pada pameran di Muzium Negeri.

## MAFI cadang bina Muzium Pertanian di Kelantan

Oleh AIN MANAF

**KOTA BHARU:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merancang membina Muzium Pertanian bagi menyimpan pelbagai barangan yang berkaitan sejarah pertanian masyarakat di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, muzium itu juga dicadangkan untuk dibina di Kelantan selaras usaha negeri ini sebagai negeri jelang makanan.

Katanya, kertas kerja mengenai cadangan tersebut sudah disiapkan.

"Cuma - tunggu untuk kita bincang lanjut dengan kerajaan," katanya selepas merasmikan majlis penyampaian hadiah pertandingan keris Melayu Semenanjung sempena pameran koleksi keris bertempat di Muzium Negeri Kelantan pada Sabtu.

Turut hadir anggota Exco kerajaan negeri, Mejar (B)

Dato' Md Anizam dan Pengarah Muzium Negeri Kelantan, Ahmad Shargowi Derahman.

Kelantan sebelum ini memiliki Muzium Pertanian yang diubahsuai daripada bangunan Dato' Kaya Budi di Tumpat.

Dr Nik Muhammad Zawawi juga berkata, muzium yang bakal dibina itu dicadangkan dinamakan sebagai Muzium Pertanian, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob.

Katanya juga berhubung lokasi muzium yang akan dibina itu telah dikenal pasti yang bersesuaian dengan peralatan dan sebagainya untuk diperolehi.

Dalam perkembangan lain, MAFI juga akan memberi sumbangan RM1,000 kepada setiap keluarga penternak, petani yang terjejas teruk sama ada rumah atau kawasan fertigasi akibat banjir.

"Kita juga akan pertingkatkan menggantikan semula peralatan pertanian dan penternak yang terjejas," katanya.

Oleh Zubainy Zulkiffi  
am@hmetro.com.my

### Georgetown

**P**ihak berkuasa digesa segera mengharamkan pemberian cebisan atau sisa makanan kepada babi susulan kes demam babi Afrika (ASF) di beberapa negeri, baru-baru ini.

Ia berkaitan makanan mengandungi daging dan produk daging itu dipercayai berpotensi menyebarkan virus ASF.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) Mohideen Abdul Kader berkata, setakat ini, tiada vaksin boleh memerangi virus itu dan dibimbangi menjadi penyakit berjangkit babi yang dahsyat serta membawa maut.

Katanya, walaupun tidak menjejaskan manusia atau spesies haiwan lain selain babi dan babi hutan, penyakit itu boleh berjangkit sama ada menerusi sentuhan haiwan secara langsung atau



MOHIDEEN

penyebaran makanan tercemar seperti sosej atau daging mentah.

Umumnya babi dijangkiti ASF mengalami suhu badan

tinggi, hilang selera makan, gejala lain termasuk muntah, cirit-birit, dan kesukaran bernafas serta berdiri.

"Tiada rawatan bagi penyakit ini manakala bagi setengah versi pula boleh mempunyai kadar kematian 100 peratus dalam keadaan tertentu namun ia tidak sama dengan selesema babi.

"ASF boleh berjangkit menerusi sentuhan langsung dengan haiwan dijangkiti dan babi hutan dikenal pasti sebagai satu daripada beberapa kemungkinan penyebab penyebaran baru-baru ini selain boleh merebak melalui serangga seperti kutu.

"Satu lagi' kebingungan dengan ASF ialah virus itu boleh disebarkan menerusi manusia yang menjejak bala atau rembesan badan lain dari lokasi ke lokasi yang berfungsi sebagai vektor mekanikal virus," katanya menerusi kenyataan, di sini, semalam.

Mohideen berkata demilain bagi mengulas kenyataan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) pada 17 Disember lalu mengesahkan ASF dikesan pada babi hutan di Bidor dan Sungkai, Perak serta di Jerantut, Pahang.

Penularan penyakit virus itu dilaporkan terkawal dan

tidak termasuk babi komersial namun seminggu kemudian wabak ASF dilaporkan di tujuh ladang babi komersial di Paya Mengkuang, Masjid Tanah, Melaka.

Mohideen berkata, menurut laporan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia, penemuan pertama penyakit ini di Malaysia, dilaporkan pada pertengahan Februari lalu dan dikesan pada 300 babi di Pitas, Kota Marudu dan Behuran, Sabah.

Katanya, virus itu boleh bertahan beberapa bulan dalam daging diproses dan beberapa tahun dalam sembelihan beku menjadikan penyebarannya menerusi produk daging menjadi kebingungan khususnya penghandar rentas sempadan.

"Virus yang menular tidak boleh dirawat dan selalunya membawa maut dan sedang melanda populasi babi di seluruh dunia.

"Walaupun manusia tidak boleh dijangkiti, saintis memberi amaran fisiologi

babi hampir sama dengan manusia dan mutasi virus pada masa hadapan mungkin menjadi berbahaya kepada manusia," katanya lagi. Dalam perkembangan lagi berkenaan di negara ini, JPV mengeluarkan Notis Perintah Kuarantin kepada ladang babi berkaitan bagi membendung penularan dan menyekat pergerakan babi manakala babi dari ladang yang berkaitan dimusnahkan mengikut Seksyen 19, Akta Haiwan 1953 (Pindaan 2013).

Babi dari ladang disahkan bebas jangkitan dibenar dijual sembelih di pusat penyembelihan yang diluluskan sahaja namun sembelihan dan daging babi tidak dibenarkan dibawa ke negeri lain.

Dipercayai penyakit itu pada mulanya dibawa dari Afrika Timur melalui produk babi yang tercemar dan kini melonjak ke China, yang mana separuh populasi babi domestik dunia berada malah sedang membiak dengan begitu cepat.

## PENULARAN DEMAM BABI AFRIKA

# Henti beri sisa makanan

OLEH NUR IZZAH IZZATI NADZI  
izzah.nadzi@mediamuka.com.my

**I**NSTITUT Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menawarkan perkhidmatan menganalisis produk makanan dan pertanian dengan harga rendah, 40 peratus lebih murah berbanding makmal swasta lain.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, harga yang ditawarkan oleh MARDILab berpatutan malah lebih murah adalah sejajar sebagai agensi kerajaan untuk membantu usahawan baharu khususnya dalam menentukan kualiti makanan dan pertanian.

Katanya, perkhidmatan analisis di MARDILab mempunyai standard yang setaraf makmal swasta.

Pihaknya menawarkan khidmat, kepakaran dan analisis sama tetapi harga jauh lebih murah berbanding makmal-makmal swasta atau komersial lain.

"Usahawan yang ingin mendapatkan khidmat analisis produk berasaskan makanan dan pertanian boleh mendapatkannya di MARDILab pada harga 40 peratus lebih murah berbanding makmal analisis lain.

"Semua analisis di MARDI dikendalikan oleh ahli kimia berdaftar dengan Institut Kimia Malaysia (IKM). MARDI sendiri mempunyai jawatankuasa dalaman yang menetapkan dan menentukan harga-harga analisis, sampel, konsultasi dan sebagainya.

"Oleh itu, kami menggalakkan usahawan baharu untuk menggunakan khidmat analisis produk di sini dengan kos yang lebih murah," katanya MARDILab mempunyai pengiktirafan daripada Institut Pihawalan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) untuk membuat analisis.

Kepakaran makmal itu juga terbukti apabila MARDI baru-baru ini menerima anugerah *Laboratory Excellence Award* oleh IKM.

Ia sekali gus meletakkan MARDILab Serdang, Selangor setaraf dengan makmal-makmal sektor korporat di Malaysia dari segi keupayaan perkhidmatan analisis seperti Petronas.

Menurut Mohamad Zabawi, sejak November, MARDILab telah mengendalikan lebih 17,000 analisis dan menasarkankan bilangan analisis antara 16,000 dan 20,000 setahun dalam tempoh tujuh



DR. MOHAMAD ZABAWI

hari hingga satu bulan.

MARDILab menyediakan 130 jenis analisis kimia dan mikrobiologi meliputi makanan dan pertanian bagi memastikan produk yang berada di pasaran adalah lengkap dari aspek jaminan kualiti dan keselamatan.

Selain usahawan baharu, kumpulan sasaran MARDILab adalah agensi-agensi kerajaan, penyelidik (universiti atau institusi pendidikan) dan syarikat swasta serta usahawan yang ingin membuat analisis bahan-bahan makanan, tanah dan sebagainya.

#### ANALISIS SEPANTAS TUJUH HARI

Kepantasan dan jaminan analisis disediakan seawal atau sesingkat seminggu dan tidak melebihi sebulan telah membezakan MARDILab dengan makmal-makmal lain.



# MARDILab tawar ana produk lebih murah,



ANTARA produk yang telah dianalisis di MARDILab.



DR. Mohamad Zabawi Abdul Ghani (tengah), Timbalan Pengarah Program Nazrul Hisham Daud (kanan) dan Dr. Khalisanni Khalid bersama anugerah;



## Analisis pantas



Perkhidmatan Analisis, Dr. Mohd. Zabawi menerima sampel untuk dianalisis di sini, katanya.



DR. KHALISANNI KHALID menjalankan proses pentitratan sampel di MARDILab.

“Mesin dan teknologi digunakan MARDI adalah standard yang terdapat di makmal swasta untuk membuat analisis. Bezanya, kepantasan kami di MARDI mengikut petunjuk prestasi utama (KPI) yang menetapkan sehingga 20,000 sampel atau analisis setahun.

“Paling cepat analisis dapat diselesaikan dan disiapkan adalah dalam tempoh tujuh hari, ia bergantung kepada sampel dan bilangan analisis yang diminta. Lebih banyak sampel dihantar, mereka akan mendapat manfaat diskaun,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mohamad Zabawi berkata, pihaknya akan menambah baik peralatan dan mesin yang ada supaya dapat menghasilkan analisis yang lebih pantas.

“Mesin dan alat-alat yang ditambah baik juga akan memberi peluang kepada MARDILab untuk membuat analisis dan elemen-elemen yang belum pernah dianalisis di sini. Ini akan meluaskan lagi pasaran kepada pelanggan dan usahawan mendapatkan perkhidmatan analisis di MARDI,” katanya.

### MANFAAT MARDILAB

MARDILab mengenakan caj minimum untuk kos analisis kepada usahawan sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya terutama kepada mereka yang baharu menceburi diri dalam bidang perniagaan.

“Ramai usahawan makanan terutamanya yang datang ke MARDI bagi melihat atau memberi sampel-sampel untuk dianalisis di sini,” jelasnya.

### INFO

- » MARDILab pada asalnya bermula dengan nama *Central of Analysis Service*, kemudiannya *Analytical Laboratory and Quality Assurance Programme (ALQA)*, Makmal Analisis Makanan dan Pertanian, seterusnya dikenali sebagai MARDILab.
- » Objektif penubuhan MARDILab adalah untuk menawarkan perkhidmatan analisis produk makanan dan pertanian berdasarkan piawai dan standard mengikut Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan ketetapan lain. Ini memastikan produk makanan atau hasil pertanian memenuhi piawai bagi keperluan pasaran tempatan dan global.
- » MARDILab terdapat di dua lokasi iaitu di ibu pejabat MARDI di Serdang, Selangor yang menumpukan kepada Analisis Kimia Makanan, Pertanian dan Mikrobiologi manakala di Kota Kinabalu, Sabah memfokus Analisis Kimia Makanan.
- » MARDILab Serdang menawarkan 130 jenis analisis manakala MARDILab Sabah sebanyak 11 jenis analisis.
- » MARDILab menawarkan dua kaedah dalam usaha memanfaatkan perkhidmatan dan kemudahan dimiliki iaitu kontrak jangka panjang dan kerjasama dengan pelanggan bagi memenuhi kaedah baharu dan analisis.

## MARDI rangkul dua anugerah

DUA anugerah yang dirangkul oleh MARDI iaitu *Laboratory Excellence Award* dan *IKM Outstanding Young Chemist Award 2021* (Industri) mendorong kepercayaan dan keyakinan lebih ramai pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan analisis di MARDILab.

Dr. Mohamad Zabawi berkata, julung kali mendapat pengiktirafan di peringkat nasional membuktikan MARDI mempunyai makmal dan ahli kimia terbaik dalam menjalankan analisis.

“Apabila memenangi anugerah, sudah pasti kami mahu meningkatkan jumlah pelanggan. Kami akan meneruskan mempromosi perkhidmatan kepada syarikat dan usahawan-usahawan untuk menyakinkan mereka bahawa MARDI mempunyai kepakaran yang setaraf dan diiktiraf.

“Dalam masa sama, kami juga akan meningkatkan kualiti kerja dan kemahiran dalam kalangan ahli kimia,” katanya.

Pegawai Penyelidik Kanan MARDI, Dr. Khalisanni Khalid yang menerima Anugerah Ahli Kimia Muda Cemerlang 2021 (Industri) dinilai atas pencapaiannya yang merangkumi projek berinovatif, kaedah ujian baharu, sistem baharu atau lain-lain pencapaian

yang berkaitan bidang kimia.

Beliau yang berkepakaran dalam bidang kimia fizikal organik, teknologi surfaktan dan nanoteknologi berkata, anugerah yang diterimanya membuktikan analisis dan perkhidmatan MARDI adalah setaraf, sama dan lebih baik berbanding di luar.

“Anugerah ini dapat membuktikan kepakaran-kepakaran kimia yang ada di MARDI sekarang setanding dengan yang ada di luar sana.

“Saya juga berharap ini adalah platform terbaik untuk MARDI lebih berkembang pada masa depan,” katanya.

Dalam masa yang sama, beliau turut terlibat dalam Sains Outlook Edisi Khas 2020 oleh Akademi Sains Malaysia, Fasilitator bagi Keutamaan Hala Tuju Sains dan Penyelidikan Negara 2021-2025 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), ahli kumpulan kerja teknikal bagi Dasar dan Strategi Nanoteknologi Kebangsaan (NNPS) 2021-2030 serta Dasar Bioteknologi Kebangsaan 2.0.

Antara hasil kajian dan produk oleh Khalisanni adalah pengubahsuaian baja nano serta teknologi pemprosesan burger cendawan tiram kelabu.



DR. MOHAMAD ZABAWI melawat kemudahan yang terdapat di MARDILab di Serdang, Selangor. - UTUSAN/SYAWAL ROSLI



## Silver catfish farm owner suffers RM300,000 loss

**JERANTUT:** A fish farm owner here is baffled by the sudden deaths of 20,000 mature silver catfish in his care, causing an estimated loss of RM300,000. Bahasirzal Abu Bakar, 43, said the deaths took place within three days and the toll was still increasing yesterday. "They started dying after the floods receded. It is quite strange as it is not happening at other fish farms. Thousands of the fish ended up floating in the cages. I had to bury them to prevent lizards from invading the farm." Bahasirzal, who has been breeding silver catfish for 20 years, suspected that the mud left by the floods might have caused the fish's deaths. "Probably, the mud had tainted the water. I have 40 cages for the fish. Twenty were filled with 20,000 adult silver catfish."

# Dakwa rugi RM300,000 ikan dalam sangkar mati

**Jerantut:** Seorang penternak ikan dalam sangkar mendakwa kerugian kira-kira RM300,000 apabila 20,000 ikan patin yang sudah matang dan sedia untuk dipasarkan, mati secara mengejut sejak kawasan itu dimasuki air berlumpur ketika banjir surut.

Penternak, Bahasirzal Abu Bakar, 43, yang menternak ikan patin sangkar dalam Sungai Pahang dekat Kampung Lada di sini, mendakwa punca kematian ikan terbabit masih menjadi tanda tanya kerana penternak lain di kawasan sama tidak menghadapi masalah itu.

Katanya, kejadian berlaku secara tiba-tiba sahaja selepas banjir mulai surut dan membabitkan sangkar diusahakannya sejak tiga hari lalu.

“Hari ini (semalam) pun masih ada ikan yang mati. Sejak tiga hari lalu, ribuan ikan terapung dalam sangkar ini dan sudah saya buang dan hingga kini, puncanya masih menjadi misteri apabila ada lagi yang timbul,” katanya.

## \*Rugi RM10,000 burung, ayam tak sempat diselamat

**Rantau Panjang:** Seorang penternak burung dan ayam kerugian RM10,000 susulan ternakannya itu mati kerana tidak sempat diselamatkan selepas kediaman dinaiki air separas tiga hingga empat meter secara mendadak, baru-baru ini.

Mohd Hirwan Rajiuon, 39, reda dengan ujian itu apabila 50 burung dan 50 ayam miliknya yang mati akibat banjir terpaksa ditanam bagi mengelak bau busuk, tambahan pula jumlahnya yang banyak.

Katanya, jumlah kerugian itu termasuk dengan kos baja, selain peralatan ternakan yang di kedainya yang ditenggelami air dan tidak dapat diselamatkan.

"Kawasan rumah saya memang setiap tahun dinaiki air namun banjir kali ini tidak dijangka menjadi sebesar ini, sehinggakan saya tidak sempat menyelamatkan burung serta ayam yang ada di kedai.

"Kedai saya hanya di hadapan rumah sahaja, tetapi berdekatan dengan jalan utama yang tinggi, namun banjir kali ini menyebabkan air naik ke jalan sehingga paras 0.5 meter sekali gus turut memasuki bahagian kedai.



MOHD Hirwan menunjukkan antara burung ternakannya yang mati akibat banjir.

"Saya reda dengan kerugian ini walaupun masih terkejut dan menganggap sudah tiada rezeki saya," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tersang, di sini, semalam.

Antara spesies burung yang dijualnya seperti Candik, Merbok, Serindit, Aji-aji dan Merpati, manakala ayam pula jenis organik dan Serama.

Mohd Hirwan berkata, kediamannya mula dinaiki air pada 17 Disember lalu dan mengambil masa lebih seminggu untuk surut menyebabkan dia sekeluarga ter-

paksa menumpang di rumah saudara di Pasir Mas.

"Air naik dengan mendadak menyebabkan saya tidak sempat menyelamatkan ternakan yang ada di kedai, hanya memastikan isteri dan anak-anak serta ibu yang sudah uzur dipindahkan ke tempat selamat.

"Sejujurnya, sepanjang lebih seminggu banjir melanda, hati saya tidak senang memikirkan burung dan ayam yang kesejukan selain sudah dapat mengagak akan ada haiwan ternakan itu yang mati," katanya.

## 1,600 pokok pisang layu, pekebun rugi RM25,000

**KUALA LANGAT** – Seorang pekebun pisang mengalami kerugian sebanyak RM25,000 apabila kebun pisang tanduk seluas kira-kira setengah hektar miliknya di Kampung RTB Bukit Changgang di sini ditenggelami banjir minggu lalu.

Kerugian yang dialami itu melibatkan kira-kira 1,600 pokok pisang tanduk di dua kebun pisang yang hanya menunggu masa untuk berbuah matang dan dijual kepada pelanggan.

Paimin Dol Kamid, 69, berkata, sebelum banjir berlaku, sebanyak 20 pokok pisang tanduk yang ditanam bersama anaknya telah mencapai tempoh matang dan hasilnya juga sudah diperolehi.

"Pokok pisang ini tidak masak

serentak dan sebelum kejadian banjir, kira-kira 20 tandan pisang sudah diambil untuk dijual. Bagaimanapun, baki daripada pisang tersebut belum cukup matang dan perlu menunggu hanya beberapa bulan lagi.

"Selepas kejadian banjir dan keadaan air yang telah surut, saya terkejut melihat pokok menjadi kekuningan kerana terendam terlalu lama dalam air sehingga akarnya rosak," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini semalam.

Bapa kepada tiga anak itu berkata, kerugian yang dialami itu adalah anggaran daripada harga anak pokok, racun dan baja, namun mereka belum membuat pengiraan secara terperinci.



**PAIMIN DOL** termenung melihat pokok pisang yang rosak akibat banjir di Kampung RTB Bukit Changgang, Kuala Langat semalam.

30/12/2021

KOSMO

NEGARA

16



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.30	• Gula Pasir	RM2.85
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99	• Ikan Kembung	RM15	• Bawang Besar Holland	RM2.79
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.50	• Tepung Gandum	RM2.25

\*Harga (RM/kg) \*Sumber: KPDNHEP

Orang ramai teruja tawaran inisiatif kedai bergerak anjuran kerajaan negeri Perak

# Harga ayam seekor RM4 jadi rebutan

Oleh MOHAMAD HAFIZI MOHD SAJD

**PARIT** - Orang ramai teruja apabila bila berpeluang membeli ayam berharga RM4 seekor pada program Kedai Bergerak Negeri Perak di Dataran Pekan Parit, di sini semalam.

Meskipun syaratnya mereka perlu membeli barangan keperluan di kedai bergerak melebihi harga RM25, namun ia tidak menghalang mereka berebut untuk membelinya.

Warga emas, Yatiliza Ahmad, 62, berkata, dia terkejut apabila melihat seekor ayam dijual pada harga RM4 lalu tidak melepaskan peluang membelinya.

"Saya banya tahu ada jualan kedai bergerak dan mereka kata harganya murah, jadi saya datang dengan kawan dan beli beberapa tin sardin, susu pekat, roti kering, tepung, gula dan minyak masak.

"Kemudian turun sahaja dari lori menjual barang saya lihat ada ayam dijual pada harga RM4 seekor dan terus beli. Ia amat murah. Rie-mandangkan harga ayam sekarang mahal kalau seekor mahu dekat RM20.

"Saya dapat beli beberapa ba-



**KHAIRUDIN** (tengah) menjual jualan ayam pada harga RM4 seekor kepada orang ramai di Parit semalam.

rang makanan lain dan seekor ayam dengan harga tak sampai RM30 dan selalu kalau seekor ayam boleh tahan seminggu un-

tuk saya masak dan makan se-orang," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi pembeli, Adnan

bergerak itu melebihi RM60.

Katanya, diskaun yang diberi benar-benar membantu mereka yang kurang berkemampuan terutamanya ketika ini ekoran kenaikan harga barang yang membebaskan pengguna.

"Alhamdulillah, saya dapat juga jimat berbelanja dan bagi program seumpama ini perlu diteruskan kerana ia benar-benar membantu kami yang bukannya senang mana," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belanja, Kharudin Abu Hamipah berkata, kedai bergerak ini merupakan inisiatif kerajaan negeri membantu masyarakat khususnya mereka di luar bandar mendapat barang-barang keperluan pada harga berpatutan.

Menurutnya, semua barang yang dijual ditawarkan diskaun 15 peratus iaitu sebanyak lima peratus oleh pihak Yayasan Bina Upaya (YBU) dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP).

"Bagi jualan ayam pula kita sediakan 400 ekor bagi menampung permintaan berbanding 300 ekor semasa jualan sebelum ini," ujarnya.

## Rencana

# Perlu dasar konkrit makanan

### MUKADIMAH

MENUJU 2022, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menjangkakan rakyat negara ini bakal terus berdepan harga barang tidak stabil disebabkan beberapa faktor.

Selain orang tengah menguasai rantaian pemasaran serta bekalan, ketiadaan dasar serta *road map* (hala tuju) untuk menjadi sebuah negara berdikari dalam pengeluaran makanan merupakan antara punca utama mengapa pengguna akan terus terbeban dengan kenaikan kos makanan.

Bersama wartawan *Utusan Malaysia*, SAFINA RAMLI dan jurufoto, IQBAL HAMDAN, Presiden CAP, MOHIDEEN ABDUL KADER memberi pandangan mengenai hala tuju patut dilaksanakan kerajaan dalam memastikan pengguna tidak terus menjadi mangsa ekor sistem bekalan makanan yang tidak memihak kepada mereka.



**UTUSAN:** Kenaikan harga barangan makanan merupakan masalah yang saban kali berlaku sehingga menyebabkan pengguna terkesan. Apa puncanya?

**MOHIDEEN:** Kita menghadapi masalah kerana pandemik Covid-19 menyebabkan hubungan perdagangan terputus. Akibatnya, pembekalan berkurangan malah ringgit (RM) menurun dan menyebabkan barangan import mengalami peningkatan harga sehingga harga barangan di negara kita turut naik.

Selain itu, ada juga pihak tidak bertanggungjawab membuat keuntungan besar. Ini juga satu masalah yang agensi kerajaan kena tangani segera. Barang-barang makanan tempatan pun kita hadapi masalah.

Jadi, kerajaan kena ambil tindakan terhadap orang tengah yang buat keuntungan besar atas angin ketika masalah ini berlaku. Mereka ini perlu dikenakan tindakan tegas seperti penarikan lesen sekiranya terbukti berlaku.

**Ada punca lain menyebabkan kenaikan harga barangan terus berlarutan?**

Bagi banyak barang seperti rempah, kenapa kita tidak boleh keluarkan sendiri tetapi sayur-sayuran kita import dari Thailand, Indonesia? Kenapa kita tidak dapat tanam



**Bukan rakyat yang marah kita, tetapi ada pegawai agensi kerajaan yang marah apabila CAP suarakan isu ini."**

sendiri?

Ini menunjukkan kerajaan tidak memberi tumpuan yang cukup dalam bidang pertanian. Kerajaan hanya fokus pada tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah semata-mata.

Pertanian makanan tidak diberikan fokus mendalam, tidak ada banyak peruntukan cukup untuk jadikan Malaysia negara berdikari (*self sufficient*) dalam menghasilkan makanan sendiri.

Bagi saya, ia berpunca atas dasar kita. Negara kita tidak ada satu rancangan atau pelan yang berstruktur tentang macam mana kita akan capai negara berdikari dalam tempoh 20 atau 30 tahun lagi.

**Apa punca lain yang menyebabkan negara kita gagal menjadi negara berdikari dalam menghasilkan makanan sendiri?**

Secara umum ada, namun pelaksanaannya tiada. Tiada *road map* (hala tuju) yang kerajaan kita pantau sama ada kira capai sasaran dalam pelan yang telah mereka buat.

Kita ambil contoh harga ayam melompat, puncanya disebabkan Malaysia import makanan ayam dari luar. Kenapa kita tidak keluarkan makanan ayam sendiri dan kita perlu import dari Thailand? Apa bezanya kita dengan Thailand dari segi tanah, iklim dan sebagainya?

Kita negara berjiran, namun Thailand boleh

keluarkan dan eksport makanan ayam, mengapa kita tidak keluarkan makanan ayam untuk kegunaan sendiri?

**Tidak terlambat untuk Malaysia mulakan industri pertanian sehingga menjadi negara berdikari dalam pengeluaran bahan makanan sendiri?**

Malaysia boleh buat kalau betul-betul kita mahu laksanakan. Kerajaan perlu tubuhkan satu jawatankuasa khas yang di dalamnya ada pakar pertanian, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pengguna di mana kita boleh fikir cara untuk kita capai negara berdikari.

Di negara-negara maju, matlamat untuk menjadi sebuah negara berdikari serta mempunyai keselamatan makanan adalah satu agenda global. Kita perlu ada agenda sebegini.

Tetapi perlu diingatkan, tidak guna kalau kita ada agenda dan polisi, namun secara umum tanpa satu rancangan dengan hala tuju dan badan bebas yang boleh pantau pencapaian semua. Kita peritukan itu semua.

Antara negara yang ada pelan sedemikian adalah Jepun dan Korea Selatan. Sebelum ini Korea Selatan lagi mundur daripada Malaysia. Saya masih ingat semasa saya masih muda sekitar 1950-an, 1960-an,



SEBANYAK 50 peratus keperluan makanan kita boleh ditanam sendiri.

Korea Selatan sangat mundur dari segi ekonomi dan sukan.

Kita ada tanah, sumber asli, rakyat yang mahir, semua ada belajar di universiti, namun sekarang kenapa kita di belakang Korea Selatan?

**Apa yang membuatkan kita terkebelakang dalam menangani masalah bekalan makanan?**

Pemimpin kita sangat tertarik dengan *industrialization* (perindustrian) sehingga lupa betapa pentingnya makanan untuk kita. Makanan menjadi agenda kedua negara berbanding industri tetapi kita lupa betapa pentingnya kesinambungan makanan untuk rakyat.

Kita punya dasar, namun pelaksanaan, sasaran semua tidak ada. Satu badan bebas untuk memantau sasaran plan juga tiada, itu kelemahan kita.

Baru-baru ini, saya turut serta dalam perbincangan mengenai Rancangan Malaysia-Ke-12 (RMK12). Seorang profesor membangkitkan perkara ini di mana dia menyatakan bahawa kita ada banyak *proposal* (cadangan) tetapi tidak ada pelaksanaan di mana kita hanya mengulang polisi. Tidak ada kemajuan dicapai, jadi sebab itu kita tidak boleh bertanding dengan negara-negara dunia ketiga yang lain, Malah Vietnam juga 10 tahun lagi akan menjadi Harimau Asia dari segi ekonomi dan bekalan makanan.


**Adakah orang tengah turut menyumbang kepada permainan harga bahan makanan?**

Ya, orang tengah turut menyumbang kepada permainan harga. Kita kena buang kartel ini. Kalau kita mahu jual ikan, mesti ikan daripada nelayan ke meja pengguna dan jangan ada orang tengah.

Memang agak sukar untuk menghapuskan orang tengah ini kerana orang tengah juga memainkan peranan dalam sistem kita, bukan senang untuk hapuskan begitu sahaja.

Jika dihapuskan orang tengah, siapa pula yang akan memainkan peranan mereka? Siapa yang mahu bertanggungjawab?

Kita ada agensi negeri



CAP berpendapat negara tidak perlu mengimport ayam dari negara-negara jiran.



**Kita akan hadapi isu berkaitan harga makanan ini sampai bila-bila sekiranya tiada langkah segera diambil kerajaan."**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan sebagainya. Agensi-agensi seperti inilah yang patut mengambil peranan menggantikan orang tengah, namun mereka bertugas setakat pukul 8 pagi hingga 5 petang sahaja. Agensi-agensi berkaitan tidak ada hubungan dengan nelayan dan petani.

**Jadi, sukar untuk hapuskan orang tengah sama sekali?**

Tidak mustahil untuk kita hapuskan orang tengah. Kalau kita tidak dapat kurangkan orang tengah, kita kawal mereka supaya mereka tidak mengambil kesempatan dan membuat untung besar. Kita boleh lakukan. Kalau manusia boleh sampai ke bulan, kenapa benda kecil

kita tidak dapat lakukan? Terpulang kepada kerajaan dan pembuat dasar, kalau mereka fokus, mereka boleh laksanakan.

CAP sendiri sudah lama berjuang. Baru baru ini, kita timbulkan isu kenaikan harga sayur. Namun, bukan rakyat yang marah kita, tetapi ada pegawai agensi kerajaan yang marah apabila CAP suarakan isu ini. Selepas CAP bangkitkan hal ini, isu sama juga berlaku di Selangor, Kedah dan negeri lain. Inilah kegagalan sistem agensi kita, sistem sedia ada tidak berjalan dengan betul dan sempurna.

**Apa yang perlu kerajaan lakukan untuk memastikan pengguna tidak terus terbeban?**

Setiap isu kita kena cari punca, apa yang menyebabkan ia berlaku.

Memang ada makanan kita import dari luar negara. Kita perlu bincang dengan saintis dan pengeluar makanan di dalam negara bagaimana untuk atasi kekurangan ini.

Sebagai contoh, Korea Selatan sangat maju. Generasi muda di sana menceburi bidang pertanian dan menggunakan teknologi baharu. Malah, mereka turut mengambil berat isu alam sekitar. Seperti negara ini, kita ada kolej pertanian, beribu graduan pertanian. Di

mana mereka ini? Mereka ada pengetahuan dalam bidang pertanian, jadi mereka mesti boleh lakukan.

Bertindaklah segera kepada golongan yang mahu mengambil untung sahaja. Kuatkuasakan undang-undang dan tambah baik pemantauan, ini adalah langkah jangka pendek yang dapat diambil.

Kita mempunyai banyak tanah yang subur. Kerajaan mesti beri galakan kepada petani yang tahu pasal pertanian untuk meningkatkan produktiviti mereka.

**Selain tindakan kerajaan, apa yang boleh dilakukan pengguna untuk mengurangkan impak kenaikan harga barangan?**

CAP amat menggalakkan orang ramai untuk menanam makanan sendiri. CAP sendiri mempunyai program untuk mengajar penduduk bandar menanam sendiri makanan mereka. Sebenarnya 50 peratus keperluan makanan kita boleh tanam sendiri.

Kerajaan mula sambut perkara ini dan di setiap komuniti mesti ada dimulakan pertanian secara kebun bandar.

Rakyat juga tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kerajaan. CAP telah melaksanakan projek kebun bandar komuniti ini di

pejabat CAP, di sekolah dan kita dapati minat rakyat untuk menanam sendiri makanan mereka mulai ada.

**Menjelang 2022, apa harapan CAP mengenai isu harga dan bekalan makanan agar pengguna tidak menjadi mangsa permainan harga?**

Kerajaan perlu bertindak dengan mewujudkan dasar yang konkrit, yang mempunyai pasukan pemantau bagi memastikan keselamatan makanan dapat dicapai. Malaysia perlu menjadi sebuah negara berdirikan dalam pengeluaran makanan.

Selain itu, rakyat juga perlu memainkan peranan dengan menanam sendiri makanan mereka. Kita boleh bela ayam sendiri, tanam sayur-sayuran yang mudah ditanam sendiri.

Kita tidak boleh menjadi masyarakat yang mengharap 100 peratus bantuan dan solusi daripada kerajaan semata-mata. Jangan jadi masyarakat yang terlalu bergantung kepada kerajaan.

Kita akan hadapi isu berkaitan harga makanan ini sampai bila-bila sekiranya tiada langkah segera diambil kerajaan, singkirkan kartel dalam pengeluaran makanan dan siasat siapa yang menjadi dalang semua ini.